

PENYERAHAN SUMBANGAN WISMA BINTARA KEPADA BALU ANGGOTA PU SUBANG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4253-penyerahan-sumbangan-wisma-bintara-kepada-balu-anggota-pu-subang

SUBANG, 17 Dis 18 – Satu lawatan kebajikan daripada Wisma Bintara PU Subang telah diadakan ke atas keluarga Allahyarham PW U II Iswandi bin Yahya (No 2 Skuadron) yang telah meninggal dunia pada 25 Sep 2018 yang lalu.

Dalam lawatan tersebut, Pengerusi Wisma Bintara PU Subang, PW U I Muhamad Sahim bin Hussain telah menyerahkan sumbangan khairat kematian kepada balu Allahyarham, Puan Siti Khirul binti Kasmon di kediamannya di Parit Jamil, Parit Jawa, Muar Johor.

